

## TUNTUTAN PENCEGAHAN DADAH MENURUT MAQASID SUNNAH

**Dr. Rosni Wazir, Dr. Abur Hamdi Usman, Dr. Norsaleha Saleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang, Syamim Zakwan Rosman**  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
rosni@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Pertambahan bilangan penagih dadah dalam masyarakat pada hari ini amat meresahkan meskipun pelbagai pendekatan telah diambil untuk menyelesaikan isu ini. Statisitik pertambahan penagih dadah baru dan berulang pada saban tahun pula menunjukkan keperluan terhadap penambahbaikan terhadap usaha pencegahan sedia ada. Umum mengetahui langkah pencegahan merupakan langkah mengatasi dadah yang terbaik kerana keberkesananya serta menjimatkan kos. Terdapat keperluan kepada analisis pandangan maqasid sunnah terhadap usaha pencegahan dadah. Maqasid sunnah merupakan objektif tertinggi yang ingin direalisasikan oleh sunnah dalam kehidupan manusia. Sunnah pula sebagai sumber perundangan kedua di dalam Islam selepas al-Quran merupakan ikutan dan sumber kekuatan kerohanian umat Islam. Kerohanian yang diterapkan dalam ajaran sunnah dapat membentuk benteng yang kukuh untuk mencegah penggunaan dan penagihan dadah. Pendekatan yang digunakan dalam Islam ini dilihat sesuai untuk mengembalikan mereka kepada fitrah kejadian manusia. Justeru, berdasarkan metode kualitatif kepustakaan, artikel ini menghuraikan pandangan maqasid sunnah terhadap pencegahan dadah. Maqasid sunnah merupakan intipati sunnah yang dapat memberikan pemahaman sebenar berkenaan sesuatu permasalahan menurut kaca mata sunnah. Dapatkan artikel ini menunjukkan terdapat beberapa hadis dan pandangan sarjana berlandaskan maqasid sunnah tentang pencegahan dadah serta tuntutan pemerkasaanya. Oleh yang demikian, melihat dan menangani isu penagihan dadah berdasarkan bimbingan nabi SAW merupakan langkah yang terbaik.

**Kata kunci:** *Pencegahan, dadah, kerohanian, maqasid, sunnah*

### PENDAHULUAN

Penyalahgunaan bahan bermaksud kegiatan salahguna atau penggunaan sesuatu bahan terlarang seperti dadah atau bahan narkotik, alkohol dan pelbagai jenis bahan dalam dos atau dengan cara yang boleh merosakkan diri individu atau orang lain (Hollen, 2009). Dalam konteks ketagihan bahan, *World Health Organisation* (WHO) tidak lagi menggunakan istilah penyalahgunaan dadah sebaliknya mereka menggunakan istilah penyalahgunaan bahan yang lebih luas skop dan kemudaratannya kepada pengguna (World Health Organization, 2016). Hal ini menggambarkan keseriusan gejala penagihan yang berlaku di dunia.

Isu penagihan dadah umpama barah dalam masyarakat yang semakin parah bermula pada awal tahun 1970-an. Sehingga hari ini ia masih belum dapat diatasi malah bertambah rumit dan kritikal. Sehingga kini, tidak ada ubat yang benar-benar mampu untuk memulihkan penagihan dadah.

Di Malaysia, penagihan dadah amat sinonim dengan remaja khususnya dalam kalangan remaja yang berisiko. Pada hari ini, dadah merupakan salah satu isu kesihatan awam yang diberi perhatian dan dikaitkan dengan pelbagai masalah tingkah laku dan kesihatan mental (Ismail et.al

2015). Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dadah ialah bahan kimia psikoaktif yang digunakan bukan untuk tujuan perubatan yang mana penggunaannya dilarang. Bahan-bahan ini menyebabkan pergantungan secara fizikal dan psikologikal serta tolerans yang meningkat. Akibatnya, penggunaan dadah mengundang impak buruk kepada kesihatan, diri, keluarga dan masyarakat (Maklumat Dadah AADK, 2017).

Penglibatan golongan remaja dalam masalah salah guna bahan menunjukkan belia berumur 19-39 tahun merupakan majoriti tertinggi penagih yang dikesan, manakala penagih remaja yang berumur antara 13-18 tahun menunjukkan peningkatan yang signifikan. Laporan pada tahun 2010 merekodkan sejumlah 2,138 kes remaja atau 9.25 peratus yang dikesan terlibat dengan salah guna dadah (Laporan Dadah, AADK 2012). Penglibatan remaja yang masih bersekolah dijangkakan lebih ramai dan mereka ini berpotensi untuk dipengaruhi menjadi penagih tegar pada masa hadapan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan setiap penagih yang dikesan terdapat empat lagi individu yang tidak dilaporkan (World Health Organization, 2016). Ini bermakna jumlah sebenar mereka yang terlibat dengan tingkah laku salah guna bahan di Malaysia menjadi sejuta orang berbanding 250,000 yang dilaporkan. Laporan Dadah AADK (2012) juga mendapatkan kebanyakan penagih di Malaysia mula mengenali dadah dalam lingkungan usia 13-15 tahun.

Agama Islam sebagai agama persekutuan merupakan agama yang lengkap dan bersifat rahmat kepada segenap alam. Setiap perundangannya memberi manfaat kepada penganutnya dan kepada bukan penganut. Di Malaysia, pihak kerajaan dan swasta telah menerapkan elemen psikospiritual Islam dalam usaha pencegahan dan pemulihan dadah. Pendekatan ini membawa hasil yang positif seperti yang dinyatakan oleh Muhd Rushdan (2013) dalam kajiannya. Rawatan keagamaan dapat menguatkan rohani, mengembalikan keyakinan dan membentuk jati diri.

Pendekatan psikospiritual ini juga dapat dilihat melalui kerjasama antara agensi kerajaan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi peneraju pengurusan hal ehwal Islam di dalam negara yang telah memainkan peranan dalam menangani isu ini melalui pendekatan agama. Program terhadap golongan penagih dadah oleh Jakim telah bermula sebelum tahun 2009 lagi. Ia dilaksanakan dengan kerjasama bersama AADK yang menyediakan para peserta di kalangan penagih dadah di bawah seliaan mereka. Melalui kerjasama ini pelbagai program dan pengisian dirangka seperti Program Rakan Setia Masjid (RSM), Rakan Setia Komuniti (RSK) dan Program Islah Remaja Permata Dunia. Pengisian paling utama adalah penekanan terhadap aspek kesedaran kerohanian oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Di antara pengisiannya termasuklah bimbingan solat, bengkel fardhu ain, tazkirah selepas solat, qiamullail serta muhasabah diri. Berdasarkan respon dari para peserta, mereka mengakui dapat membina semula keyakinan diri, membetulkan salah faham terhadap Islam yang selama ini dianggap bersifat menghukum kepada golongan yang melakukan kesalahan, mengingati dan menghayati semula asas agama seperti solat dan fardhu ain serta mendapat keinsafan diri (Mohd Izwan et. al 2015).

Peranan agama Islam dalam pencegahan dan pemulihan dadah di Malaysia tidak dapat dinafikan. Islam bersumberkan dua sumber perundangan yang utama iaitu al-Quran dan Hadis. Hadis Nabi SAW dan sunnah baginda adalah sumber dan punca kekuatan umat Islam, selain daripada ayat-ayat al-Quran (al-Ghazali, 2005). Baginda Rasulullah SAW adalah suri teladan terbaik dalam mencapai kecemerlangan dalam hidup. Sejarah merekodkan umat Islam telah merangkul kejayaan demi kejayaan apabila berpegang kepada sunnah baginda. Untuk memahami sunnah baginda sesuai dengan cabaran dan peredaran zaman, mendalami maqasid sunnah atau

tujuan sunnah adalah penting. Maqasid sunnah dapat memberi pemahaman tentang intipati sunnah. Oleh itu, memahami langkah terbaik mengatasi penagihan dadah melalui maqasid sunnah adalah penting.

## DEFINISI MAQASID SUNNAH

Istilah maqasid sunnah ialah satu istilah yang baru digunakan mutakhir ini oleh ulama kontemporari walaupun perbincangan ‘*maqasidiyyah*’ atau melihat kepada objektif tertinggi secara umum telah banyak dibicarakan oleh para ulama sebelum ini. Menurut Rizalman (2016) kebanyakan ulama menfokuskan kepada penulisan maqasid syariah berbanding maqasid-maqasid yang lain. Imam al-Ghazali, Imam Syatibi, Ibn Asyur dan Ahmad Raisuni merupakan antara tokoh yang membuka ruang kepada penulisan maqasid syariah (Yusuf, 1994).

Sunnah dari sudut bahasa bermaksud jalan yang diikuti (Ibn Manzur, t.t). Dari sudut istilah pula bermaksud percakapan, perbuatan, *taqrir* atau hal yang didiamkan, akhlak, sifat kejadian serta seluruh perkhabaran tentang Nabi Muhammad SAW (Manna’ al-Qattan, 1992). Manakala, perkataan maqasid (مقاصد) adalah merupakan *jama’* kepada perkataan maqsad (مقصد) yang bererti pegangan, punca, sasaran, keadilan dan kesederhanaan (Ibn Manzur, t.t). Bagi al-Fayruz Abadi (1997) perkataan “*maqsad*” atau ‘*maqasid*’ bererti “maksud” atau “tujuan” dalam bahasa Melayu. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasdun*. Perkataan ini membawa pelbagai makna antaranya menuju, arah, berjalan lurus atau memecahkan. Perkataan *al-qasd* pula bererti tongkat. Tongkat memberi banyak faedah kepada manusia iaitu dapat membantunya dan menuntunnya ketika berjalan.

Maqasid sunnah secara istilahnya seperti tidak pernah ditulis dalam apa-apa karya sebelum ini melainkan Dr. Ahmad al-Raysuni dalam bukunya *Maqasid al-Maqasid* (Ahmad Raysuni, 2013) Jika ada yang membincangkannya sebelum ini, masih berlindung di bawah maqasid syariah seperti perbincangan maqasid ibadah daripada perspektif sunnah dan sebagainya (Abdul Hadi Awang, 2018).

Namun jika diteliti, maqasid sunnah boleh didefinisikan sebagai tujuan yang ingin direalisasikan sunnah dalam kehidupan manusia (Mahmud al-Dusari, 2018). Tujuan ini pula dapat dikategorikan kepada umum dan khusus. Tujuan umum bererti objektif yang ingin direalisasikan demi kebaikan manusia di dunia dan akhirat daripada sejumlah hukum-hakam syarie. Oleh itu, objektif seperti kebebasan, keadilan, bertolak ansur, tidak membebankan dan memudaratkan, meraikan keadaan setempat, menjaga kehormatan manusia serta meneguhkan keamanan dan keselamatan merupakan tujuan teras yang diambil kira. Inilah yang dinamakan ulama sebagai maqasid umum (Nuruddin al-Khadami, 1998).

Maqasid sunnah yang bersifat khusus pula bererti tujuan yang ingin direalisasikan oleh sunnah melalui cara khusus dalam kehidupan. Sebagai contoh peraturan yang ditetapkan sunnah dalam jual beli, pinjaman, perlburuan, hal ehwal rumah tangga, politik dan sebagainya. Tujuan ini direalisasikan melalui hukum *tafsili* atau hukum yang jelas (Aqilah Husain, 2011).

Perbahasan tentang maqasid sunnah bukan bererti terdapat perbezaan antara maqasid sunnah dan maqasid syariah tetapi ia merupakan suatu usaha untuk menumpukan perbahasan tujuan pensyariatan dari sudut sunnah nabi yang mulia. Hal ini dapat menjelaskan keluasan dan kesyumulan sunnah dalam setiap sendi syariat. Oleh itu, boleh dikatakan perbincangan tentang maqasid sunnah ialah perbincangan yang sama terkandung dalam maqasid syariah secara umum. Sunnah pada hakikatnya merupakan gambaran kehendak Allah dan kemahuan-Nya, kerana setiap

yang dilakukan oleh Nabi SAW merupakan wahyu daripada Allah SWT. Oleh itu, syariat dan maqasid bertepatan dengan *iradah* Allah SWT.

## KEPENTINGAN MAQASID SUNNAH

Maqasid sangat penting untuk dikaji kerana maqasid adalah ruh kepada amalan. Bahkan teori ini terpakai untuk semua perkara yang dilakukan oleh umat Islam. Setiap perkara perlu kepada ruhnya seperti ruh al-Quran adalah maqasidnya. Begitu juga ruh al-Sunnah itu adalah maqasidnya (al-Raysuni, 2013).

Maqasid Sunnah membuktikan kesempurnaan dan kelestarian syariat Islam yang terkandung dalam sunnah. Kesempurnaanya kerana ia dibina atas tujuan yang mulia pada hukum-hukum *kuliyyat* dan *juzi'yyat*. Peredaran zaman, kemajuan tamadun dan perkembangan penemuan memerlukan suatu konsep yang membolehkan kerelevanannya perundangan setiap masa dan zaman. Tiada sangsi lagi jika suatu perundangan itu terbina atas nilai murni, bertunjangkan kebaikan dan berpaksikan *maqasidiyyah* ia akan sempurna dan lestari.

Imam Ibn Qayyim (2013) menyatakan bahawa Allah SWT itu bersifat Maha Bijaksana, mustahil mensyariatkan sesuatu yang sia-sia dan tidak mengandungi kebaikan dan hikmah. Oleh itu, setiap suruhan dan ketetapan Allah SWT bersumberkan kebijaksanaan-Nya yang agung. Hal ini telah dibuktikan melalui Firman Allah SWT dan Sabda Rasulullah SAW. Sesungguhnya setiap ciptaan dan suruhan Allah mengandungi kebijaksanaan yang tidak terhingga, bukti yang agung, dengan sebab tersebut ianya diciptakan.

Selain itu, maqasid sunnah membolehkan pengkelasan kedudukan kebaikan dan kerosakan serta peringkat sesuatu amalan dari sisi syariat dan keadaan semasa. Hal ini penting ketika berlaku pertembungan atau percanggahan hukum. Perkara ini dikuatkan sepertimana pernyataan Ibn Taimiyyah (1987) yang direkodkan dalam kitab *Qaidah fi al-Mahabbah*. Beliau menyatakan bahawa seorang mukmin itu harus mengetahui sesuatu kerosakan yang berlaku serta nilainya dari al-Quran dan Sunnah sepertimana dia mengetahui kebaikan yang berlaku bersumberkan al-Quran dan hadis. Seterusnya membezakan antara suruhan yang bersifat *al-kainah* atau kejadian dan suruhan yang dikehendaki untuk dilakukan. Kesemua ini supaya dapat mengutamakan hukum yang mengandungi kebaikan yang lebih banyak keburukan yang lebih sedikit. Jika dinilai antara dua perkara yang buruk maka dipilih yang paling kurang buruknya dan penilaian yang sama pada perkara kebaikan. Sesungguhnya jika hamba itu tidak mengetahui ketetapan Allah terhadapnya nescaya percakapan dan perbuatannya dalam kejahilan. Sesiapa yang beribadah kepada Allah dalam keadaan jahil nescaya perkara dia akan mendapat kerosakan menimpanya.

Seterusnya, maqasid sunnah penting kerana memberi manfaat dalam penetapan hukum pada perkara yang baharu. Sebagai contoh *qiyas furu'* keatas *usul* yang diketahui *illahnya*. Melalui konsep ini pekerja yang tidak berlaku pada zaman Nabi SAW dapat ditentukan hukumnya dengan melihat kepada *illah* atau persamaan dan maqasidnya. Contohnya penagihan dadah. Dadah di dalam Islam menyamai istilah *khamr* atau arak yang digunakan untuk semua bahan yang memabukkan, mengkhayalkan, menjadi punca penagihan, pergantungan, perubahan tingkah laku dan sebagainya. Perubahan ini berhubung rapat dengan fungsi akal yang tidak dapat berjalan secara sempurna. Perkataan *khamr* berasal daripada perkataan *yakhmur*, maksudnya menutup, menyembunyi atau melindungi. Oleh itu *khamr* merujuk secara meluas kepada fungsi kehidupan atau biologi sesuatu bahan yang boleh menutup, menyembunyi atau menghilangkan fungsi yang biasa dialami oleh seseorang yang normal. Dalam hal ini dikaitkan khusus dengan keadaan fikiran dan akal (Zulkifli Abdul Razak, 1998).

Akhir sekali, maqasid sunnah penting dari sudut rohani kerana menambahkan ketenangan hati terhadap sunnah nabi dan hukum-hakamnya. Sesuatu perbuatan yang diketahui *qasd* (tujuan), *illah* (persamaan) dan kedudukan akan menyebabkan hati merasa aman dan tenteram dibandingkan dengan perbuatan yang tidak diketahui statusnya pasti menyebabkan hati tidak tenteram dan penuh syak wasangka. Andai sesuatu hukum ditentukan melalui maqasid sunnah yang merupakan ruh atau intipati kepada sunnah nescaya tiada lagi ruang bagi keraguan dan kegelisahan. Ibn Qayyim (2013) menyatakan: “Al-Quran dan sunnah Nabi SAW penuh dengan penentuan hukum melalui kebijaksanaan dan kemaslahatan serta penekanan kepada tujuan hukum-hakam yang menjadi sebab disyarakkan sesuatu hukuman. Andai al-Quran dan sunnah itu umpama seratus atau dua ratus perkara, nescaya kami akan kuasai semuanya. Namun ianya bertambah kepada ribuan perkara dengan jalan yang pelbagai”.

Maqasid sunnah mempunyai peranan yang penting dalam keilmuan islam. Peranan ini pula dapat dilihat lagi dari sudut *dharuriyyah* atau keperluan, *hajiyah* atau kemahuan dan *tahsiniyyah* atau kelengkapan hidup manusia. Bagi aspek keperluan kehidupan, ia dapat dilihat pada *dharuriyyat khams* atau ‘keperluan yang lima’ iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga keturunan, menjaga akal dan menjaga harta (Mahmud al-Dusairi, 2018). Kesimpulannya, maqasid sunnah merupakan elemen yang penting dalam pensyariatan dan bimbingan buat umat baginda nabi SAW.

## **USAHA MENANGANI DADAH DI MALAYSIA**

Penyalahgunaan dan penagihan dadah telah menjadi salah satu masalah utama yang membawa impak negatif kepada kehidupan manusia di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Penyalahgunaan dadah yang semakin serius di Malaysia sejak tahun 1970-an telah mendorong kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai “Musuh Nombor 1 Negara” sehingga ke hari ini.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang menguruskan hal-hal berkaitan membanteras penyalahgunaan dadah di Malaysia. AADK berperanan menguatkuaskan peruntukan Akta Dadah Berbahaya, mencegah dan menyekat pengedaran dadah secara haram, bekerjasama dalam apa-apa isu penyalahgunaan dadah atas permintaan negara luar, mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah, memelihara sokongan orang ramai dalam membanteras dadah, menasihati menteri mengenai polisi berkaitan pencegahan dan penyalahgunaan dadah dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain bagi membanteras dadah (AADK, 2018).

Dasar Dadah Negara 2017 (DDN) merupakan kerangka kerja yang komprehensif dan terselaras dalam usaha mencegah, merawat dan memulih, menguatkuaskan undang-undang dan mengurangkan kemudaratannya masalah penagihan dadah. Semua pihak akan menjadikan dasar ini sebagai rujukan dan panduan dalam menangani masalah dadah dalam negara. Semenjak 2014, AADK telah melaksanakan proses penggubalan dasar dengan menggunakan dua pendekatan utama iaitu proses semakan semula dasar serta kolaborasi dan pemurnian input teras dasar. Dasar Dadah Negara 2017 yang dibina berdasarkan 3 konsep utama iaitu Multidisiplin, Komprehensif dan Kepelbagaiannya merupakan pengemaskinian kepada DDN 1996 (Buku Dasar Dadah Negara, 2017).

Matlamat Dasar Dadah Negara adalah untuk mewujudkan negara dan rakyat Malaysia yang bebas daripada ancamana gejala dadah bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Perkara ini dicapai melalui Teras Dasar Dadah Negara iaitu: pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan, pengurangan kemudaratannya dan kerjasama antarabangsa. Justeru, dapat difahami pencegahan dan pemulihan

merupakan strategi utama kerajaan dalam membanteras dadah. Hal ini berikutan keperluan dan keberkesanan langkah ini. Malahan, ia bukan sahaja diamalkan di Malaysia bahkan turut diterapkan di negara-negara yang lain.

Pencegahan telah diletakkan sebagai teras pertama Dasar Dadah Negara. Ini berikutan keutamaan langkah pencegahan sebagai benteng utama membanteras dadah. Pencegahan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, daya tahan dan mempromosi serta menggalakkan individu untuk berfungsi dalam persekitaran fizikal dan sosiobudaya yang sihat (AADK, 2017). Usaha ini merupakan strategi jangka panjang bagi melindung, menyediakan dan memberi perkhidmatan intervensi dan menangguh serta menghentikan tingkah laku penyalahgunaan dadah. Bagi mencapai matlamat ini, strategi pencegahan telah dirangka iaitu melalui penyebaran maklumat, pendidikan pencegahan secara formal dan pemerkasaan komuniti. Selain itu, kumpulan sasar telah dikenalpasti supaya pendidikan pencegahan dapat dilaksanakan sebaiknya. Golongan pelajar prasekolah, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, keluarga, belia, pelajar universiti, komuniti dan rakan tempat kerja merupakan golongan yang akan diberikan perhatian melalui mekanisme ini.

Di bawah teras ini pelbagai program telah dijalankan berdasarkan matlamat yang dirangka. Antaranya, matlamat Keluarga Bebas Dadah melalui *Family On Alert*, Institusi Pendidikan Bebas Dadah melalui PINTAR 2.0 (Program Intelek Asuhan Rohani), SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) dan *Tomorrows Leaders*. Selain itu, dibawah matlamat Tempat Kerja Bebas Dadah program TEKAD telah dilaksanakan. Program ini bertujuan untuk memastikan kawasan tempat kerja bebas daripada dadah serta merangkumi semua Sektor Awam dan Swasta mengikut garis panduan dan modul yang ditetapkan oleh AADK. Akhir sekali, di bawah matlamat Komuniti Bebas Dadah program SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab) telah dijalankan. Program SMART merupakan program yang membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang positif bagi melahirkan belia bebas dadah (Maklumat Dadah 2017).

Buat golongan yang telah menagih dadah, pemulihan merupakan rawatan yang sangat diperlukan. Pemulihan merupakan satu proses membantu penagih untuk berhenti mencari dan menggunakan dadah secara kompulsif seterusnya meninggalkan tabiat penagihan dadah. Ia melibatkan beberapa proses intervensi dan sokongan yang membolehkan individu menangani masalah penagihan, membuat keputusan yang betul berhubung kehidupan dan mengintegrasikan diri dalam keluarga dan komuniti. Kumpulan sasar bagi golongan ini ialah golongan berisiko, penyalah guna dadah, pengaih dadah, individu yang terkesan akibat tingkah laku penagih dan bekas penagih dadah.

Di bawah teras ini perkhidmatan rawatan dalam institusi dan dalam komuniti telah disediakan. Perkhidmatan Pemulihan Dalam Institusi menyediakan kemudahan untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih melalui Perintah Mahkamah secara sukarela. Program Pemulihan Institusi ini dilaksanakan di 20 buah PUSPEN/Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan 10 buah Klinik Cure & Care AADK (C&C). Perkhidmatan Pemulihan Dalam Komuniti pula merupakan pemulihan dalam komuniti melibatkan Orang Kena Pengawasan (OKP) di daerah dan juga penjagaan lanjutan di fasiliti AADK iaitu Pusat Integrasi Klien (PIK), Cure & Care Services Centre (CCSC) & Caring Community House (CCH). Di samping itu, program rawatan & pemulihan dalam institusi melalui model Islamic Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA) telah diperkenalkan. Model ISRA merupakan satu pendekatan psikospiritual Islam yang menggabungkan ciri-ciri ketuhanan dan pembangunan secara holistik dalam usaha merawat dan memulihkan penagih-penagih dadah (Maklumat Dadah 2017).

## **PEMERKASAAN LANGKAH PENCEGAHAN DADAH MENURUT MAQASID SUNNAH**

Anggaran perbelanjaan bagi agensi-agensi pemulihan dan pencegahan dadah ialah RM177 juta pada tahun 2008. Dengan mengambilkira kos rawatan kesihatan, kos kehilangan produktiviti dan kos berkaitan jenayah, kos tidak langsung seorang penagih dadah ialah RM132 ribu. Dengan mengambilkira jumlah seramai 63,884 orang penagih dadah masa kini, memberikan jumlah kos tidak langsung RM8.47 bilion, dan jumlah kos keseluruhan (kos langsung dan kos tidak langsung) sebanyak RM8.65 bilion (Jamal Ali et. al, 2010). Ini menjadikan kos perkapita penagihan dadah di Malaysia ialah RM332. Secara perbandingan, Kanada menanggung kos sebanyak CAN\$1.37 bilion, atau CAN\$48 perkapita (Single et al., 1998), dan Australia menanggung kos sebanyak AU\$1.468 bilion (Collins & Lapsey, 1999).

Kerajaan terpaksa menanggung beban kos yang tinggi akibat daripada masalah penyalahgunaan dadah. Menurut laporan terkini AADK, pada 2017 kerajaan telah menanggung kos sebanyak RM357 juta bagi belanja mengurus dan pembangunan AADK. Ini merupakan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak RM48 juta dibandingkan dengan RM309 juta yang telah dibelanjakan pada 2013. Biarpun peruntukan yang lebih disediakan bagi membasmi dadah, bilangan penagih dadah yang dikesan menunjukkan perkara yang sebaliknya. Pada tahun 2013 seramai 13,481 penagih baru dikesan namun pada tahun 2017, angka ini melonjak sehingga 18,440 penagih baru.

Pencegahan merupakan kaedah terbaik dan efektif dalam mengurangkan kos penyalahgunaan dadah. Program pencegahan yang lemah akan menyebabkan peningkatan kadar penagihan dan seterusnya wujud pelbagai permasalahan sosial dan peningkatan kos dalam rawatan pemulihan (Aziz Shah, 2015). Pernyataan ini turut disokong oleh Mahmood Nazar, Yahya, Mohamad Hassan & Muhamad Dzahir (2005) yang menyatakan salah satu strategi yang seringkali dilaksanakan bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi dadah dalam sesebuah negara ialah melalui pencegahan yang lazimnya meliputi pendidikan pencegahan umum dan khusus.

Menurut Sabir Abdul Ghani (2014) kerohanian yang kuat dapat membentuk pencegahan dadah yang ampuh dan berkesan. Hal ini turut disokong oleh Mahmood Nazar et. al (2006), Taharem (2004) dan (Shafie 2006). Oleh itu, terdapat keperluan kepada penelitian bagaimana Islam membentuk pendekatan pencegahan yang berkesan melalui kekuatan rohani.

Agama Islam mengutamakan penjagaan akal. Dadah di dalam Islam menyamai istilah *khamr* atau arak yang digunakan untuk semua bahan yang memabukkan, mengkhayalkan, menjadi punca penagihan, pergantungan dan perubahan tingkah laku (Zulkifli Abdul Razak, 1998). Oleh itu, Islam telah mengharamkan penggunaan dadah yang menyerupai arak kerana menghilangkan fungsi akal. Dadah sebenarnya lebih teruk dari arak kerana penagihan dan khayalnya yang lebih kuat dan kesan negatifnya yang lebih dahsyat terhadap orang sekeliling. Fatwa yang dikeluarkan oleh Bekas Mufti Mesir, al-Syeikh Hasanin Makhluf (1951) menyatakan bahawa dadah adalah haram hukumnya dari segi penggunaan, pemberian dan membuat jualan perniagaan. Manakala, Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat yang ke-128 yang diadakan pada 24 Februari 1983 setelah menimbangkan pendapat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Ehwal Agama Islam (2015) telah membuat keputusan:

*“Sebarang penyalahgunaan, termasuk penyalahgunaan dadah, hukumnya di sisi syarak adalah haram dan dengan itu adalah ditegah sama sekali dan dadah hanya boleh digunakan untuk tujuan perubatan yang sah mengikut syarak”*

Untuk memahami manhaj nabi SAW dan maqasid sunnah dalam menangani isu penagihan dadah haruslah dilihat bagaimana Islam menangani penagihan arak. Arak merupakan minuman yang sudah sebatи dalam jiwa masyarakat arab jahiliyyah. Ia merupakan minuman yang memabukkan, dapat menyebabkan pemikiran masalah yang dihadapi serta mempunyai kesan penagihan. Islam telah mengharamkan arak secara berperingkat.

Menurut Tafsir al-Qurtubi (2006) ayat pertama yang diturunkan tentang pengharaman arak adalah tentang jual beli arak. Ianya adalah pada tahun ke-3 selepas perang Uhud. Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ فَلَنْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.” Al-Baqarah 219

Dirwayatkan ketika diturunkan ayat ini sebahagian insan meninggalkan jual beli arak dengan berkata: “tiada keperluan bagi kami untuk perkara yang mengandungi dosa besar” manakala sebahagian insan yang lain tidak meninggalkannya dengan berkata: “kami mengambil manfaatnya dan tinggalkan dosanya”(al-Qurtubi, 2006). Selepas itu, diturunkan firman Allah SWT:

لَا تَقْرِبُوا الصَّلَاةَ وَإِنْتُمْ سُكَارَى

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk.” Al-Nisa’ 43

Penurunan ayat ini menerangkan pengharaman mabuk ketika ingin menunaikan solat. Hal ini menyebabkan sebahagian muslim meninggalkan arak secara terus kerana mereka berpendapat tiada kebaikan pada arak yang menghalang dari solat manakala sebahagian muslim yang lain hanya meninggalkan arak ketika ingin solat. Seterusnya, turun firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ \* إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بِيْنَكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدُّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُمْتَهِنُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (90) Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud muhу menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan muhу memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (91)” Al-Maidah 90, 91

Selepas penurunan ayat ini maka arak telah haram secara keseluruhan. Pengharaman arak ini begitu dahsyat sehingga diriwayatkan sebahagian manusia ketika itu berkata: “Tiadalah perkara yang lebih dahsyat pengharamannya daripada arak”

Imam al-Jassas dalam tafsirnya *Ahkam al-Quran li al-Jassas* (1994) menukilkan bahawa sewaktu kedatangan Islam, umat Islam ketika itu dalam keadaan menagih arak. Oleh itu, Islam

perlu menentukan keutamaan dan merangka strategi pemulihan dan pencegahan. Sesungguhnya kesembuhan daripada penagihan ini datang daripada jiwa. Tatkala jiwa diisi dengan kecintaan kepada Allah, penuh dengan pengharapan dan ketakutan kepada-Nya maka meninggalkan perkara ketagihan akan kelihatan kecil. Hikmahnya dapat dilihat iaitu penagihan tidak dapat diatasi dalam masa yang singkat. Syariat meraikan faktor biologi, psikologi dan kemasyarakatan serta memberikan ruang bagi manusia bersedia menerima sesuatu hukum. Selain itu, Islam mengajar umatnya supaya menangani sesuatu isu secara berstrategi dan memikirkan jangka panjang.

Sheikh al-Qaradhawi (1985) menerangkan dalam karyanya *Al-Khasais al-Amah lil Islam* bahawa metodologi Islam yang berstrategik dan berperingkat wajar dicontohi umat Islam dalam segenap perkara. Hal ini kerana ianya merupakan peraturan alam yang mesti diraikan dalam mengecap hasil dan kejayaan yang sebenar.

Maqasid sunnah telah meletakkan penjagaan akal sebagai keperluan yang wajib dipelihara. Hal ini dapat dilihat pada pengharaman arak kerana ianya merosakkan akal. Dari ‘Abd Allah Ibn Umar, Nabi Muhammad SAW bersabda:

كُلُّ مُسْكِرٍ حَمْرٌ. وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Maksudnya: “Setiap yang memabukkan itu *khamr* dan setiap yang memabukkan itu haram” (HR Muslim, *Kitab al-Asyribah, Bab Bayan Anna Kulii Muskir Khamr*, no. 2003)

Pengharaman perkara yang merosakkan akal ini tidak terhad kepada peminumnya sahaja bahkan Rasulullah telah melaknat 10 golongan yang terlibat dengan arak. Ini dapat difahami sebagai satu langkah pencegahan yang lengkap iaitu bukan sahaja meminum arak haram bahkan mendekati, membantu dan mengambil manfaat juga turut haram. Diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

لَعَنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةً: عَاصِرَهَا، وَمُعْتَصِرَهَا، وَشَارِهَا، وَحَامِلَهَا، وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ، وَسَاقِهَا، وَبَاعَهَا، وَأَكَلَ ثَنَّهَا، وَالْمُشْتَرِيُ لَهَا، وَالْمُشْتَرِأُ لَهُ

Maksudnya: Rasulullah SAW melaknat dalam isu arak ini 10 golongan: “Pemerah (anggur untuk arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta bawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya.” (HR al-Tirmidzi, *Kitab al-Buyu’, Bab Al-Nahyu an Yattakhiz Khamr*, no. 1295)

Selepas pengharaman arak secara jelas melalui al-Quran dan Sunnah, Islam telah meletakkan hukuman kepada mereka yang mengingkarinya. Para fuqaha telah bersepakat kewajipan hukuman had (hukuman yang sudah ditetapkan oleh syarak) kepada peminum arak sama ada memabukkan ataupun tidak. Diriwayatkan oleh Anas r.a.

كَانَ يَضْرِبُ فِي الْخَمْرِ بِالْجُرِيدِ وَالنِّعَالِ أَرْبَعَيْنَ

Maksudnya: “Nabi SAW menyebat peminum arak sebanyak 40 kali sebatan dengan pelepas tamar dan selipar.” ( HR Muslim, *Kitab al-Hudud, Bab Had al-Khamr*, no.1706)

Terdapat perbezaan pandangan pada bilangan hukuman sebatan kepada peminum arak. Diriwayatkan oleh Anas r.a.

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَدَ فِي الْخَمْرِ بِالْجَرِيدِ، وَالْتَّعَالِ، ثُمَّ جَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ، فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ، وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرِّيفِ وَالْفَرْقَى، قَالَ: «مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْخَمْرِ؟» فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنْ تَجْعَلُهَا كَأْخَفَّ الْحُدُودِ، قَالَ: «فَجَلَدَ عُمَرُ ثَانِيَنِ»

Maksudnya: "Nabi SAW menyebat peminum arak dengan pelepas tamar dan selipar sebanyak 40 kali. Abu Bakar juga pernah menyebat 40 kali. Pada zaman Umar RA, ramai orang dari pedalaman dan kampung datang ke Madinah, lalu Umar bertanya kepada para sahabat, katanya: "Apakah pendapat kamu tentang hukuman sebat atas peminum arak?" Jawab Abdul Rahman bin 'Auf: "Aku fikir, kamu menjalankan hukum hudud yang paling ringan." Abdul Rahman berkata: "Selepas itu, Umar RA menghukum 80 kali sebatan." (HR Muslim, *Kitab al-Hudud, Bab Had al-Khamr*, no.1706)

Menurut Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (2017) hukuman had kepada peminum minuman yang memabukkan sama ada arak atau yang lainnya adalah dengan sebatan 40 kali. Pemerintah harus menjalankan hukuman tersebut hingga 80 kali sebatan sebagai tambahan dengan hukum ta'zir. Tindakan Umar tersebut menunjukkan bahawa sebatan yang melebihi 40 kali adalah ta'zir dan bukan hudud. Ulama' fiqh mazhab syafie menyatakan bahawa hukuman 40 kali sebatan daripada Rasulullah SAW ialah hukuman asas. Tindakan Umar RA menyebat 80 kali, Ali menjelaskannya seperti berikut: "Engkau menyebatnya 80 kali sebatan adalah kerana apabila seseorang minum arak dia mabuk, ketika mabuk dia merepek, seterusnya berbohong (Imam Malik, 1985)

Setelah Nabi SAW mensyariatkan pengharaman arak, baginda telah melaknat golongan yang terlibat dengan arak serta mengenakan hukuman had kepada peminumnya. Maqasid sunnah yang terkandung dalam syariat sebatan kepada peminum arak ialah supaya ia membentuk suatu langkah pencegahan. Pencegahan ini meliputi individu itu sendiri supaya dia tidak mengulangi dan kepada orang lain agar mereka berasa gerun. Menurut tafsir Ibn Asyur (Ibn Asyur, 1984) kehendak hukuman yang dikenakan ke atas pelaku maksiat adalah supaya orang lain tidak mengikuti kesalahan yang dilakukan. Dengan kehadiran sebilangan orang-orang yang beriman yang hadir akan mengambil pengajaran, mereka akan mengelakkan kesalahan tersebut dan akan tersebar berita daripada yang hadir kepada yang tidak hadir.

Hukuman akan membentuk suatu amaran serta menyebabkan masyarakat menjauhi perkara tersebut. Hudud di dalam Islam dilaksanakan agar membentuk suatu pencegahan yang berkesan. Dadah dan arak kedua-duanya mempunyai *illah* yang sama iaitu kerana berbagai kemudarat yang berlaku seperti memabukkan merosakkan anggota badan dan punca kepada maksiat dan jenayah lain (Fauzi Muhamad, 2015).

Hanis Camelia et.al (2017) dalam kertas kerjanya mencadangkan agar kesalahan menggunakan dadah buat kali pertama dikenakan 40 rotan dan kesalahan berulang boleh dikenakan jumlah yang sama ataupun lebih iaitu 80 sebatan dan di bawah prinsip ta'zir bagi kesalahan buat kali ketiga boleh dikenakan 120 sebatan ataupun penjara. Hal ini berdasarkan hukuman yang dikenakan kepada peminum arak.

Di Malaysia, penguatkuasaan jenayah dadah berada di tahap yang tinggi. Seseorang boleh ditahan untuk ujian air kencingnya di bawah Seksyen 3(1) Akta Pencegahan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sekiranya disyaki sebagai penagih dadah. Setelah disahkan bahawa seseorang itu adalah penagih dadah, majistret boleh membuat perintah menurut Seksyen 6(1) samada penagih

tersebut menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama 2 tahun dan kemudiannya menjalani pengawasan selama 2 tahun atau diletakkan di bawah pengawasan seseorang pegawai untuk tempoh selama 2-3 tahun.

Manakala untuk kesalahan pengedaran dadah, di bawah Akta Dadah Berbahaya, ada peruntukan yang menyatakan mahkamah boleh menghukum pengedar dadah dengan hukuman penjara seumur hidup dengan tidak lebih 15 kali sebatan (AADK, 2018) Meskipun penguatkuasaan yang sebegini, bilangan penambahan penagih dadah di negara ini berada di tahap yang membimbangkan. Hal ini membuktikan terdapat keperluan kepada penambahbaikan dan penelitian terhadap usaha pencegahan sedia ada.

Datuk Dr Roziah Omar (2015) dalam kertas kerjanya membangkitkan keperluan pemerkasaan dan penambahbaikan langkah pencegahan di Malaysia. Beliau mencadangkan pemerkasaan strategi intervensi dan pencegahan dadah berasaskan tanggungjawab sosial komuniti. Pemerkasaan strategi intervensi yang dicadangkan adalah melalui pemerkasaan intervensi program SHIELDS dan intervensi program Tomorrow's Leader. Pencegahan berasaskan komuniti ini bertepatan dengan bimbingan Nabi SAW. Baginda telah menyeru umatnya agar bekerjasama mengatasi kemungkaran. Sabda Nabi SAW:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُّنْكَرًا فَلْيُعْرِضْ بِيَدِهِ، إِنَّمَاٰ مُّمْسِطُهُ فِي سَانِيهِ، وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangan (kekuasaan). Jika tidak mampu maka ubahlah dengan lidah (percakapan) jika tidak mampu juga ubahlah dengan hati (menjauhi) dan ia merupakan selemah-lemah iman. (HR Muslim, *Kitab al-Iman, Bab Bayan Kaun al-Nahyu an al-Munkar*, no. 49)

Pencegahan bukan terletak di bahu kerajaan atau mana-mana agensi bahkan ianya terletak pada setiap anggota masyarakat. Inilah maqasid atau intipati yang terkandung dalam hadis di atas. Langkah AADK yang memperkenalkan startegi pencegahan yang merangkumi peranan setiap lapis masyarakat adalah suatu langkah yang bertepatan dengan maqasid sunnah.

Selain itu, Dr Azman Mohd Nor (2011) dalam kertas kerjanya menyatakan keperluan kepada pemerkasaan hukuman kepada pesalah dadah. Hal ini supaya ia membentuk suatu ancaman pencegahan yang menggerunkan. Adalah tidak wajar untuk menganggap penagih adalah seorang pesakit yang sentiasa perlukan rawatan. Ketagihan itu bukanlah sejenis penyakit seperti denggi, barah dan lain-lain penyakit yang tidak dicari dan tidak dapat dielakkan. Ini kerana ketagihan, sekiranya dianggap sebagai satu penyakit, maka ia adalah penyakit yang dibuat-buat dan dicari. Justeru, tidak ada manusia mahupun haiwan yang dilahirkan dengan tabiat ketagihan kepada sesuatu benda apatah lagi kepada dadah. Beliau juga menyatakan terdapat keperluan untuk mengkaji semula startegi pencegahan dadah di Malaysia. Hal ini berikutan statistik penagih dadah baru yang kian mendadak saban tahun. Nabi SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak Boleh Melakukan Sesuatu Yang Membahayakan Diri Sendiri Ataupun Orang Lain” (HR Ahmad, Musnad Bani Hashim, No. 2865 ).

Mudarat hendaklah dihapuskan. Jika mudarat yang ada dibiarkan begitu sahaja barah yang wujud akan menjadi lebih teruk dan berkemungkinan merebak. Cara yang terbaik perlu dirangka supaya natijah yang paling baik terhasil. Menurut maqasid sunnah, pencegahan merupakan elemen yang sangat penting dalam menghapuskan mudarat. Jenayah dadah adalah suatu bentuk kezaliman

terhadap dari sendiri, masyarakat dan pengkhianatan kepada negara. Sabda Nabi SAW dalam hadis qudsi. Sesungguhnya Allah berfirman:

يَا عِبَادِي إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي، وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّماً، فَلَا تَظَالَمُوا

Maksudnya: “Wahai Hambaku! Sesungguhnya aku telah mengharamkan kezaliman keatas diri-Ku dan mengharamkan ianya antara kamu maka janganlah kamu berlaku zalim”(HR Muslim, *Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab Tahrim Zulm* no. 2577)

Mudarat dan kezaliman yang tidak dicegah dengan berkesan akan merebak. Justeru, demi menjaga kepentingan ini nabi SAW telah memberi ancaman kepada insan yang mengabaikan pencegahan. Sabda baginda SAW:

إِنَّ النَّاسَ إِذَا رَأَوُا الظَّالِمَ فَلَمْ يَأْخُذُوا عَلَى يَدِيهِ أَوْ شَكُّوا أَنْ يَعْمَمُهُ اللَّهُ بِعَقَابٍ مِّنْهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya manusia apabila melihat orang zalim, namun tidak menghalang tangannya (kekuasaan), hampir Allah akan meliputi mereka dengan hukuman-Nya” (HR al-Tirmidhi, *Kitab al-Fitan, Bab ma Ja' fi Nuzul Al-Azab*, No. 2168)

Bagai jatuh ditimpa tangga, ancaman mengabaikan pencegahan tidak terhenti di situ sahaja bahkan telah diriwayatkan bahawa ianya menjadi antara sebab doa tidak diterima. Sabda Baginda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَقُولُ لَكُمْ: مَرَوَا بِالْمَعْرُوفِ، وَأَنْهَاوُا عَنِ الْمُنْكَرِ، قَبْلَ أَنْ تَدْعُونِي، فَلَا  
أَجِيَّكُمْ، وَتَسْأَلُونِي فَلَا أَعْطِيَكُمْ، وَتَسْتَنْصِرُونِي فَلَا أَنْصِرُكُمْ

Maksudnya: Wahai Sekalian Manusia! Sesungguhnya Allah berkata kepada kamu: “Serulah kepada kebaikan dan cegahlah daripada kemungkaran sebelum (jika dimungkari) kamu berdoa tidak Aku mustajabkan, kamu meminta tidak Aku beri dan kamu meminta pertolongan tidak Aku bantu”

(HR Ibn Hibban, *Kitab al-Bir wa al-Ihsan, bab Amma Yujib An al-Mar'u min al-Istihlal*, no. 290)

Kesungguhan kehendak sunnah terhadap suatu pencegahan yang perkasa dan efektif sangat jelas. Hal ini dapat dilihat pada hadis-hadis nabi yang dinyatakan. Melalui pengharaman arak secara berperingkat dapat dipelajari kepentingan strategi pendidikan pencegahan dadah yang berkesan. Setelah penghayatan dan kefahaman Islam kian kukuh dalam hati sanubari warga Madinah disyariatkan hukuman sebatan kepada mereka yang ingkar. Nabi juga telah melaknat mereka yang bergelumang dengan perkara yang merosakkan akal ini, tidak terhad kepada penggunanya sahaja. Ini membentuk suatu pencegahan yang lengkap kerana merencatkan permintaan, khidmat dan pengeluaran. Tidak terhenti di situ, Nabi SAW menyuruh mencegah kemungkaran, menyeru kepada kerjasama dan memberi ancaman kepada semua pihak yang mengabaikan pencegahan.

## PENUTUP

Pemulihan dan pencegahan dadah saling diperlukan dalam mengatasi penagihan dadah. Namun, pertambahan bilangan penagih dadah baru setiap tahun memberi indikasi terdapat keperluan kepada pemerkasaan langkah pencegahan. Terapi psikospiritual Islam atau terapi kerohanian telah

diterapkan dalam proses pemulihan namun ianya kurang diberi perhatian dalam proses pencegahan. Berdasarkan pemerkasaan pencegahan melalui maqasid sunnah dapat dilihat perhatian sunnah yang besar terhadap pencegahan. Pengkaji berpendapat terdapat keperluan kepada pencegahan psikospiritual Islam yang bersumberkan sunnah nabi kepada golongan yang berisiko untuk menagih dadah. Pepatah mengatakan mencegah lebih baik daripada mengubati. Kerohanian yang kuat dapat membentuk benteng yang ampuh dari mula terjebak dengan najis ini.

## RUJUKAN

- AADK. (2018). Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2017. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Abdul Ghafar Taib. (2005). Bersama Perangi Dadah. Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Kenanga.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2012). Laporan Dadah Tahun 2011. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Kementerian dalam Negeri. (2017). Buku Dasar Dadah Negara. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Ahmad al-Raysuni. (2013). Maqasid al-Maqasid al-Ghayat al-‘Ilmiyyah wa al-‘Amaliyyah li Maqasid al-Shari‘ah. Beirut: al-Shabkah al-‘Arabiyyah li al-Abhas wa al-Nashr.
- Al-Fayruz Abadi. (1997). al-Qamus al-Muhit. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Ghazali, (2005). Ihya’ Ulum al-Din. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali. (1971). Syifa’ al-Ghalil. Baghdad: Matbaah al-Irsyad
- Al-Ghazali. (1993). Al-Mustasfa. Beirut: Dar Kutub al-Ilimiyyah.
- Al-Haithami. (1994). Majma’ Zawaid wa Manba’ Fawaid. Kaherah: Maktabah al-Qudsi.
- Al-Jassas Ahmad Ali. (2010). Ahkam al-Quran. Beirut: Dar Ihya Turath al-Arabi.
- Al-Qaradhawi Yusuf. (1985). Al-Khashais al-Ammah li al-Islam. Kaherah: Muassasah al-Risalah
- Al-Qurtubi Muhammad Ahmad. (2006). Al-Jami’ li Ahkam al-Quran. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Aqilah Husain. (2011). Al-Wasatiyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Aziz Shah, Muzaffar Syah, Abdul Malek & Syed Sofian. (2015). Kesan Program Pencegahan Dadah Berasaskan Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP) ke atas Daya Tahan dan Kelangsungan Dalam Kalangan Belia Berisiko. Jurnal Anti Dadah Malaysia 2015.
- Azman Mohd Nor & Mohd Al-Ikhsan Ghazali.(2010). Penyalahgunaan Dadah dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Mati Ke Atas Pengedar Dadah Di Malaysia: Satu Analisis. Jurnal Fiqh, No. 7 (2010) Universiti Malaya.
- Collins, D.J. & Lapsley, H.M. (1999). Counting the cost: Estimates of the social costs of drug abuse in Australia. Retrieved August 24, 2008, from Australian Government, Australian Institute of Criminology. Web site:  
<http://www.aic.gov.au/publications/other/ndsmono49.html>.
- Dr. Roziah Omar. (2015). Pemerkaan Strategi Intervensi Dan Pencegahan Dadah Berasaskan Tanggungjawab Sosial Komuniti. Kajian Penyelidikan Ilmiah AADK.
- Dzulkifli Abdul Razak. (1998). Dadah: Pandangan Islam. Pulau Pinang: Pusat Racun Negara.
- Fauzi Muhamad. (2015). Inovasi Hukuman Pencegahan Dadah Mengikut Perspektif Islam. International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)
- Hanis Camelia Muhar, Nor Fadilah Mohamad Nasir & Aminuddin Ruskam. (2017). Hukuman Sebat Bagi Penagih Dadah Dari Segi Saintifik. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository

- Hasanin Makhluq. (1951). *Fatawa Syari'yyah wa Buhuth Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Hollen, K. H. (2009). *Encyclopedia of Addictions*. West Port: Greenwood Publishing Group
- Ibn Hajar al-Asqalani. (2014). *Bulughul Maram Min Adilati wal Ahkam*. Riyadh: Dar al-Qabs.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2013). *Miftah Dar Saadah*. Jeddah: Majma' al-Fiqh al-Islami
- Ibn Taimiyyah. (1987). *Qaidah fi al-Mahabbah*. Kaherah: Maktabah Turath Islami.
- Ibn Taimiyyah. (2005). *Majmu' al-Fatawa*. Iskandariah: Dar al-Wafa'.
- Ismail, R., Hesam H.M & Mohd. Nor. R. (2014). The Effect of Demographic Characteristic to Quality of Life and Happiness in Malaysia. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology* 7(1):198-205.
- Jamal Ali, Salahuddin Hassan & Noor Al-Huda Abdul Karim. (2010). Kos Ekonomi Penyalahgunaan Dadah. *Jurnal AADK* 2010.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2015). Cet: Kelima. Selangor: JAKIM.
- Mahmood Nazar. (2006). Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. *Bayan Linnas Siri Ke-117 : Hindari Bahaya Arak*. Artikel diterbitkan pada 25 September 2017.
- Muhammad Ibn Manzur. (t.t). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadr, jld. 3,
- Mahmood Nazar Mohamed, Yahya Don, Mohamad Hassan & Muhamad Dzahir Kasa. (2005). Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya?. *Sintok*: Jurnal Universiti Utara Malaysia
- Mahmood Nazar. (2009). Penyalahgunaan Dadah Aspek Undang-undang, Pemulihan, Rawatan & Pencegahan. Selangor: Edusystem Sdn.Bhd.
- Mahmud Ibn Ahmad al-Dusairi. (2018). *Al-Maqasid al-Azimah li al-Sunnah an-Nabawiyyah*. Al-Alukah al-Syariyyah.: [https://www.alukah.net/sharia/0/125565/#\\_ftn13](https://www.alukah.net/sharia/0/125565/#_ftn13). Dipetik pada 26 Feb 2019
- Malik Ibn Anas. (1985). *Muwatta' Malik*. Aleppo: Dar Ihya Turath Arabi.
- Mohd Izwan & Saiful. (2015). Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah Melalui Intervensi Kerohanian: Kajian Pelaksanaan Program 2011-2015. *Jurnal AADK* 2015
- Mohd Rushdan bin Mohd Jailani. (2013). Terapi Psikospiritual Islam dan Pengalaman Pusat Pemulihan Dadah Berteraskan Islam. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Penyalahgunaan Dadah.
- Muhammad al-Tahir Ibn Asyur. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisia Lil al-Nasyr.
- Nur al-Din al-Khadami. (1998). *Al-Ijtihad al-Maqasidi*. Qatar: Riasah al-Mahakim Syariyyah
- Sabir, A. G., & Fadzli, A. (2011). Rawatan Pemulihan Dadah Melalui Solat: Modul Rawatan Pondok Remaja Inabah. Kertas Kerja dalam International Seminar on Humanities 2011: Issues and Challenges, anjuran: Universiti Malaysia Kelantan.
- Shafie, U. H. (2006). Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqat Qadiriyyah Wan Naqsabandiyyah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Single, E. Robson, L., Xie,X. & Rehm, J. (1998), The Economic Costs Of Alcohol, Tobacco And Illicit Drugs In Canada, 1992. *Addiction*. Vol. 93(7), pp. 991-1006.
- Taharem. (2004). Menangani Penyalahgunaan & Penagihan Dadah Menurut Islam. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- World Health Organization (WHO). (2016). Comprehensive Mental Health Action Plan 2013–2020. [http://www.who.int/mental\\_health/action\\_plan\\_2013/en/](http://www.who.int/mental_health/action_plan_2013/en/). Retrieved on: 15 March 2018